

31 DEC 1998

ATM-Panglima

ATM MAKSIMUMKAN PENGGUNAAN ASET SEMASA GAWAT

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu meningkatkan keupayaan operasinya walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi, kata Panglima ATM yang baru Jen. Datuk Seri Mohd Zahidi Haji Zainuddin.

"Dalam keadaan sekarang ini usaha itu hendaklah dibuat dengan mengoptimumkan penggunaan aset-asetnya yang sedia ada yang mestilah diselenggarakan dengan sebaik-baiknya," katanya ketika menyampaikan Perintah Ulung, iaitu amanat pertama sebaik sahaja menerima tugas Panglima ATM daripada Jen. Tan Sri Ismail Haji Omar di sini, hari ini.

Jen. Mohd Zahidi, 50, yang sebelum ini Panglima Tentera Darat sejak 1 Jan 1998 menggantikan Jen. Ismail, 57, yang bersara setelah 39 tahun berkhidmat dalam ATM.

Jen. Ismail diberikan ucapan selamat perpisahan oleh para pegawai tinggi dan anggota tentera di Kementerian Pertahanan sebaik meninggalkan pejabatnya setelah selesai upacara penyerahan tugas dan tongkat kuasa ATM kepada Jen. Mohd. Zahidi.

Jen. Mohd Zahidi mahu aspek profesionalisme, kepakaran, tanggungjawab dan taat setia diberi perhatian dan ciri-ciri unggul yang sedia ada dalam ATM seperti pemerintahan berpusat, tatatingkat, keseragaman, disiplin, saling berkomunikasi dan semangat setiakawan hendaklah diperkemaskan.

Beliau mengucapkan penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong, kerajaan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar terhadap kepercayaan kepadanya dan berikrar meneruskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Panglima-panglima ATM sebelumnya.

"Ketiga-tiga perkhidmatan ATM (darat, laut dan udara) hendaklah mempunyai satu hala tuju dan berkeupayaan bertindak sebagai satu entiti...segala rancangan dan tindakan berbentuk tiga khidmat wajar dilakukan secara progresif bagi menepati matlamat ini," katanya.

Beliau menggariskan sembilan teras untuk mempertingkatkan usaha ATM mewujudkan perkhidmatan yang efisien dan anjal serta mahu ATM meneruskan kerjasama dengan agensi kerajaan, tentera negara-negara sahabat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam misi-misi pengamannya.

Anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak itu mengikuti latihan kadet di Maktab Tentera Diraja dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Askar Melayu Diraja pada April 1968.

Antara jawatan yang pernah disandangnya ialah Asisten Ketua Staf Inspektorat, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, juruiring kepada Yang di-Pertuan Agong dan pernah mengikuti kursus ketenteraan di Australia, Pakistan, Filipina dan Amerika Syarikat.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Rasih Md Nor dan mempunyai empat orang anak.

Tengah hari ini Jen. Mohd Zahidi menyerahkan tugas Panglima Tentera Darat kepada Jen. Datuk Md Hashim Hussein, 51, yang sebelum ini menjadi Timbalan Panglima Tentera Darat sejak Januari 1998.

-- BERNAMA

MNY PR